

Pembangunan Insan Berteraskan Falsafah Sejahtera

Nurhidayah Marzuki@Yahaya¹, Aida Shakila Ishak², Nurul Naimah Rose³

¹University Malaysia Perlis, Malaysia

*Corresponding author: hidayahmarzuki@unimap.edu.my

Received: 25th November 2025; Revised: 1st December 2025; Accepted: 5th December 2025

ABSTRAK

Kertas kerja ini bertujuan meneliti konsep pembangunan insan berteraskan falsafah sejahtera. Keseimbangan daripada aspek jasmani, emosi, rohani, intelek, dan etika perlu diberi perhatian kerana aspek-aspek ini penting dalam membangunkan insan yang sejahtera. Pendekatan pembangunan insan masa kini dilihat lebih menekankan dimensi material dan ekonomi berbanding pembentukan sahsiah serta kesejahteraan secara holistik. Hal ini akan menimbulkan pelbagai cabaran dalam membangunkan insan terutamanya berkait dengan isu sosial, etika dan moral. Sehubungan itu, kajian ini ingin mengenal pasti elemen-elemen utama falsafah sejahtera serta menilai sejauh mana falsafah ini dapat diaplikasikan dalam usaha memperkukuh pembangunan insan yang seimbang dan sejahtera. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis kandungan. Data dianalisis secara tematik berkenaan elemen-elemen utama dalam falsafah sejahtera dan cabaran dalam membangunkan insan sejahtera. Dapatan kajian menunjukkan bahawa keseimbangan antara jasmani, emosi, rohani, intelek, dan etika yang terkandung dalam falsafah sejahtera sangat penting dalam membangunkan insan.

Kata Kunci: *Pembangunan insan, Falsafah Sejahtera, Falsafah Pendidikan Kebangsaan*

1. PENGENALAN

Pembangunan insan merupakan aspek penting dalam melahirkan masyarakat yang berdaya saing dan membangunkan negara. Proses membangunkan insan ini memerlukan satu usaha yang konsisten dan berterusan agar tidak berlaku kepincangan semasa peringkat pelaksanaannya. Pembangunan insan di Malaysia sebenarnya menyasarkan kepada pembentukan seseorang yang berdaya saing serta mampu mengharungi cabaran di masa hadapan. Ketidakeimbangan dalam pembangunan insan boleh menyumbang kepada pelbagai isu sosial seperti keruntuhan akhlak, krisis identiti, tekanan emosi serta kemerosotan nilai etika dalam masyarakat. Justeru itu, pendidikan berperanan penting dalam membangunkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek seperti yang digariskan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Kebanyakan kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa pembangunan insan yang menekankan keseimbangan pelbagai dimensi mampu menyumbang kepada kesejahteraan individu dan keharmonian sosial. Walau bagaimanapun, kajian-kajian ini kurang mengintegrasikan kesejahteraan tersebut dalam satu kerangka falsafah secara menyeluruh. Sehubungan itu, kajian ini perlu dilakukan bagi mengisi lompong tersebut dengan meneliti secara mendalam konsep falsafah sejahtera serta mengenal pasti elemen-elemen utamanya serta cabaran dalam pembangunan insan.

2. KERANGKA PEMBANGUNAN INSAN DI MALAYSIA

Dalam konteks negara kita, insan seutuhnya yang ingin dibina, dibangunkan serta dilahirkan sebagai insan seimbang dalam kehidupannya merangkumi aspek jasmani, emosi, rohani dan

intelek (Saharia, 2015). Hal ini akan terlaksana sekiranya masyarakat dapat menghayati serta mengamalkan konsep FPK. FPK merupakan dasar pendidikan di Malaysia yang telah diperkenalkan pada tahun 1996. FPK telah menggariskan hala tuju dan matlamat sistem pendidikan negara ke arah melahirkan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani, berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan.

Selain daripada FPK, kerangka pembangunan insan di Malaysia ini juga disokong oleh beberapa dasar yang telah diperkenalkan oleh kerajaan, antaranya, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025, Dasar Pendidikan Islam dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Pembangunan insan yang menyeluruh memberi kesan langsung kepada kemajuan sesebuah negara. Oleh itu, pendekatan pembangunan insan perlu diperkukuhkan pada semua peringkat dan institusi.

Seiring dengan perkembangan semasa, pada tahun 2018, Dzulkifli Abdul Razak telah memperkenalkan falsafah sejahtera sebagai kerangka tambahan yang menekankan aspek kesejahteraan rohani dan emosi dalam pendidikan. Pendekatan ini menggabungkan nilai-nilai kemanusiaan dan keseimbangan untuk menghasilkan insan yang bukan sahaja berpengetahuan, tetapi juga berjiwa sejahtera. Oleh yang demikian, falsafah sejahtera yang diperkenalkan ini penting untuk pendidikan yang lebih holistik dan pembangunan insan.

3. METODOLOGI

Kajian ini bertujuan menganalisis pembangunan insan berteraskan falsafah sejahtera. Bagi tujuan tersebut kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengkaji secara sistematik semua literatur berkaitan pembangunan insan, Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan falsafah sejahtera. Bahan-bahan rujukan utama diambil dari pelbagai pangkalan data dan sumber jurnal seperti Emerald, MyJurnal, google scholar serta buku-buku yang berkait dengan falsafah dan pembangunan insan. Data dalam kajian ini akan dianalisis menggunakan analisis kandungan kualitatif. Analisis yang dibuat adalah berkaitan dengan tema pembangunan insan, falsafah sejahtera dan cabaran membangunkan insan.

4. PEMBANGUNAN INSAN BERTERASKAN FALSAFAH SEJAHTERA

Pembangunan insan berteraskan falsafah sejahtera sangat penting untuk diperkenalkan kepada masyarakat. Falsafah sejahtera adalah falsafah kehidupan yang menjadi wawasan dan landasan dalam memandu kehidupan masyarakat untuk menuju dan mencapai kesejahteraan hidup secara holistik. Menurut Dzulkifli (2018), sejahtera itu boleh ditafsirkan sebagai cara hidup yang seimbang dan harmoni; ditunjangi dengan memelihara dan memulihara dengan sebaiknya jiwa, akal, kehidupan, keturunan, kekayaan dan agama sebagai natijahnya, malah, setiap aspek diri dan dalaman manusia itu mesti seimbang dan berada dalam keseimbangan dengan mengaitkan diri dan dalaman manusia itu dengan persekitaran luar.

Falsafah sejahtera yang diperkenalkan merangkumi hubungan yang bersifat mikrokosmik dan makrokosmik. Mikrokosmik merangkumi dimensi sendiri dan dimensi dalaman termasuk kesedaran rohani, manakala, makrokosmik pula menghubungkan manusia dengan persekitaran luarnya, iaitu menjaga hubungan sesama manusia dan hubungan manusia dengan alam sekitarnya (Amran, 2022). Walau bagaimanapun, penulisan ini akan memfokuskan falsafah sejahtera yang bersifat mikrokosmik. Hal ini kerana, untuk menjadi insan sejahtera, perkara utama yang perlu dilihat bermula daripada dalaman diri manusia itu sendiri. Mikrokosmik dalam falsafah sejahtera ini merangkumi aspek-aspek berikut:

4.1 Jasmani

Jasmani dikaitkan dengan tubuh badan atau benda atau sesuatu yang berkaitan dengan tubuh, badan atau benda yang menyokong pembentukan aspek kerohanian (Kamus Dewan Edisi Keempat). Penjagaan jasmani sangat penting untuk menjalani kehidupan seharian manusia. Penjagaan ini bermula daripada peringkat kanak-kanak. Oleh sebab itu, FPK telah menggabungkan pendidikan jasmani dalam merancang struktur kurikulum.

Menurut Pangrazi et al. (2019), pendidikan jasmani penting untuk menjadikan seseorang pelajar mengamalkan rutin harian yang sihat disamping dapat memberi tumpuan dalam pelajaran. Sebagai contoh, seseorang pelajar akan mudah memberi tumpuan dalam kelas dan akan menghasilkan impak yang baik dalam pengajaran dan pembelajaran sekiranya tubuh badannya sihat. Unsur-unsur jasmani terdiri daripada beberapa aspek iaitu kecergasan tubuh badan, kesihatan diri dan mampu berdikari serta keupayaan hidup sesama insan lain.

Selain itu, jika dilihat pada masa kini, banyak faktor yang menyebabkan terganggunya jasmani seseorang sejak dari awal usia. Sebagai contoh, permainan dalam talian dan penyambungan kelajuan tinggi di internet, menyebabkan interaksi dunia maya dilihat lebih menarik daripada interaksi permainan fizikal di dunia sebenar. Kegiatan ini mampu mempengaruhi jasmani seseorang insan, dan kelemahan dari segi jasmani secara langsung turut mempengaruhi psikologinya.

Oleh sebab itu, aspek jasmani ini perlu dilihat dengan lebih teliti dan dipantau sejak dari awal, terutama dari peringkat kanak-kanak lagi. Hal ini kerana elemen kecergasan fizikal dan kesihatan diri tidak dapat diketepikan untuk melahirkan insan yang bersepadu. Insan yang seimbang bukan sahaja hebat daripada aspek intelektual sahaja kerana tanpa badan yang sihat sudah pasti tidak dapat melahirkan insan yang bersepadu. Banyak sebenarnya program yang telah diperkenalkan dalam membangunkan jasmani bermula dari peringkat awal persekolah lagi, contohnya, seperti aktiviti kokurikulum, 1Murid 1Sukan, aktiviti merentas desa, Pendidikan Jasmani Kesihatan, aktiviti perkhemahan dan sebagainya (Mohd Yaakob, 2018). Selain daripada jasmani, emosi juga merupakan elemen yang saling berkaitan dalam membangunkan insan yang sejahtera.

4.2 Emosi

FPK melihat emosi sebagai satu elemen penting dalam pembentukan insan yang seimbang di negara kita. Emosi bermaksud keadaan perasaan atau fikiran yang terangsang dan melibatkan perubahan psikologi dan fisiologi pada seseorang (Kamus Dewan Edisi Keempat). Emosi berkait rapat dengan hati yang menjadi sumber terbinanya jiwa dan keharmonian perasaan. Emosi juga terbentuk daripada hati yang membina tingkah laku dan perbuatan.

Berdasarkan perspektif Barat, menurut Freud, perkembangan emosi manusia dikaitkan dengan perkembangan psikoseksual dan dipengaruhi oleh tiga aspek personaliti iaitu *id*, *ego*, dan *superego* (Kendra, 2024). Freud mengaitkan emosi dengan perjuangan antara dorongan naluri (*id*), realiti (*ego*) dan moraliti (*superego*). Kunci kejayaan personaliti yang sihat bagi seseorang adalah keseimbangan antara *id*, *ego* dan *superego*. Sekiranya ketiga-tiga aspek ini tidak dapat diseimbangkan, maka akan berlaku kesan yang negatif terhadap emosi dan personaliti seseorang.

Bagi perspektif Islam pula, emosi atau nafsu perasaan terbahagi kepada tujuh hierarki iaitu amarah, *lauwamah*, *mulhimah*, *mutmainnah*, *rodhiyah*, *mardhiyyah*, dan *kamilah*. Amarah adalah emosi atau nafsu yang mengajak manusia membuat keburukan. *Lauwamah* adalah nafsu yang berperasaan menyesali perbuatannya seperti membangga diri, tidak adil, khianat dan berbohong. *Mulhimah* merupakan emosi yang selalu mendapat ilham untuk berperilaku baik seperti dermawan, merendah diri, sabar, berbudi, dan, beradab sopan. *Mutmainnah* merupakan emosi

yang tenang, tenteram dan bahagia. *Rodhiyah* adalah nafsu perasaan yang sentiasa reda terhadap segala ketentuan Allah SWT. *Mardhiyyah* adalah nafsu yang telah mendapat reda Allah dengan berperlakuan baik, dan, akhir sekali, *Kamilah*, iaitu suci daripada segala perilaku yang tidak baik (Mohamad Johdi, 2022).

Merujuk perbincangan berkenaan emosi daripada perspektif Barat dan persepektif Islam, kita dapat lihat bahawa emosi ini sebenarnya berkait rapat dengan minda dan hati seorang insan. Minda yang positif akan memberikan ketenangan hati dan jiwa seseorang. Untuk menjadi insan sejahtera, setiap insan perlu bijak mengawal emosi dalam menghadapi pelbagai cabaran dalam kehidupan seharian. Emosi juga perlu seimbang seiring dengan pembangunan rohani.

4.3 Rohani

Rohani dikaitkan dengan keadaan kerohanian individu yang juga mempunyai pengaruh terhadap pembentukan dan ketenangan diri seseorang. Rohani yang kuat mampu membantu dalam perkembangan jati diri yang lebih mantap dan tidak mudah terganggu dengan pengaruh luar yang mendatang. Kekuatan dalaman seseorang merupakan kayu ukur dalam menentukan tahap kejayaan seseorang. Oleh sebab itu, FPK telah menekankan pembangunan rohani dan emosi secara seimbang dengan menerapkan nilai-nilai murni merentasi kurikulum (Ahmad, 2008).

Pada masa yang sama, bagi memantapkan pembangunan rohani, prinsip kepercayaan kepada Tuhan dijadikan teras dalam FPK. Atas faktor tersebut antara unsur-unsur rohani yang diterapkan dalam kurikulum pendidikan ialah menyedari dan menginsafi tanggungjawab, memupuk dan membina disiplin sendiri serta membentuk akhlak mulia. Pembangunan rohani ini berkait dengan domain afektif iaitu tentang perasaan dan kejiwaan (Noraini et al., 2022).

Pendidikan rohani sangat penting dalam menghadapi dunia pascamoden ini. Hal ini kerana, banyak pengaruh pemikiran dan budaya telah muncul dan menular dalam negara kita. Antara pengaruh pemikiran dan budayanya ialah liberalisme, sekularisme, Lesbian, Gay, Bisexual dan Transgender (LGBT) dan hedonisme. Pemikiran dan budaya ini akan merosakkan pembangunan insan dan tamadun dalam sesebuah negara. Oleh sebab itu, pendidikan rohani ini sangat penting bertujuan membina hubungan kepercayaan dan keyakinan kepada Tuhan, kesedaran tanggungjawab serta membentuk sahsiah diri. Selain pembangunan rohani, pembangunan intelek juga merupakan aspek penting bagi melahirkan insan yang seimbang dan harmonis.

4.4 Intelek

Intelek membawa maksud kemampuan akal untuk berfikir, memahami dan menganalisis secara bijak. Intelek juga boleh merujuk kepada golongan cerdik pandai atau cendekiawan yang memiliki kemampuan pemikiran tinggi dalam sesuatu bidang (Kamus Dewan Edisi Keempat). Epistemologi iaitu teori atau kajian yang berkait dengan ilmu berperanan untuk membangunkan manusia. Kewujudan konsep ilmu ini mampu meningkatkan dan memperkembangkan minda manusia.

Umumnya, sistem pendidikan di Malaysia distrukturkan melalui kurikulum yang saling berkaitan dengan teori epistemologi. Sehubungan itu, kurikulum dalam rangka FPK telah menyusun pelbagai kaedah dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran serta penilaian dalam menepati teori ilmu (Mok, 2009). Epistemologi sangat penting bagi meningkatkan kecerdasan minda untuk mencari ilmu secara lebih mendalam, dan, secara tidak langsung, intelektual seseorang itu dapat dipertingkatkan.

Penggunaan teknologi yang semakin canggih iaitu teknologi kecerdasan buatan sebenarnya membantu dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, namun, dalam masa yang sama menyediakan jalan baharu bagi pelajar untuk melibatkan diri dalam tingkah laku yang tidak jujur,

contohnya, memplagiat atau meniru dalam melaksanakan tugas yang diberikan. Ketidakjujuran dalam akademik merupakan satu isu yang perlu dilihat dengan lebih mendalam kerana isu ini melibatkan ketempangan dalam integriti akademik yang memberi kesan langsung kepada negara. Oleh sebab itu, pentingnya pembangunan intelektual supaya setiap insan boleh berfikir kesan baik dan buruk dalam melakukan sesuatu perkara.

Komponen intelek juga dapat ditingkatkan dengan memupuk semangat cintakan ilmu dalam kalangan masyarakat. Menurut Ahmad (2008), pembangunan intelektual manusia perlu menekankan kepada daya berfikir iaitu kemahiran 3M yang terdiri daripada mendapat, meningkat dan menyebarkan ilmu, berfikir secara kritis dan kreatif (KBKK) serta memanfaatkan ilmu untuk diri dan orang lain. Selain itu, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025 telah memfokuskan kepada Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam menentukan kejayaan transformasi pendidikan khususnya dalam aspek pembangunan insan. Untuk menjadi insan yang berjaya dan dihormati, seseorangi insan itu bukan dinilai hanya kepada intelektual semata-mata, tetapi juga daripada aspek tingkahlaku.

4.5 Etika

Etika merujuk kepada suatu perbuatan yang memimpin individu dalam melakukan sesuatu. Etika berkaitan dengan kebiasaan hidup seseorang individu mahupun masyarakat yang baik dan biasa diamalkan. Kebiasaan ini diturunkan dari satu generasi ke generasi berikutnya dan kemudian menjadi kaedah, peraturan atau norma yang diajarkan dalam masyarakat. Etika turut difahami sebagai ajaran yang mengatur perilaku manusia samada melalui perintah yang harus diikuti mahupun larangan yang harus dihindari (Muhammad Azhar,2024).

Imam al-Ghazali Rahimahullah (1058 M-1111 M), seorang tokoh pemikir Islam, menyatakan etika sebagai akhlak yang mempunyai pengertian yang sangat luas dan mencakupi segala aspek kehidupan. Etika berkait rapat dengan sikap dan tingkahlaku seseorang individu terhadap Tuhannya, sesama manusia dan antara manusia dengan alam. Konsep etika juga berkait rapat dengan nilai. Antara nilai-nilai murni yang perlu dipupuk ialah jujur, baik, sopan santun, dan hormat menghormati. Nilai ini merupakan suatu prinsip umum yang menyediakan masyarakat dengan ukuran atau standard untuk membuat pengadilan dan pemilihan berkaitan tindakan serta matlamat tertentu. Hal ini kerana dalam proses pemilihan sesuatu perkara, setiap individu dipengaruhi oleh sistem nilai, etika, minat serta pengalaman. (Syamsul et al., 2022)

Selain itu, dalam falsafah, etika boleh ditakrifkan sebagai suatu disiplin ilmu yang mengkaji sistem moral dan tingkah laku manusia dalam hidup mereka melalui pemahaman falsafah. Antara persoalan asas yang dibincangkan dalam disiplin ilmu falsafah etika antaranya ialah; elemen kebaikan dan elemen keburukan, nilai-nilai kebaikan yang boleh diterima oleh masyarakat, faktor penting yang mempengaruhi tingkah laku manusia dan sistem moral yang sepatutnya diamalkan. (Omar, 2015).

Untuk pengajaran dan pembelajaran, aspek etika dalam falsafah ini bertujuan melahirkan pelajar boleh berfikir secara kritis dan menganalisis konsep penting dalam sistem moral seperti konsep keadilan, kesederhanaan, keberanian, kebahagiaan, kebaikan, keburukan, kebebasan, aspek niat, motif, tanggungjawab dan seumpamanya. Oleh sebab itu, untuk menjadi insan yang seimbang dan harmonis, aspek etika ini sangat penting selain daripada aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Walau bagaimanapun, untuk membangunkan insan ini, banyak rintangan atau cabaran yang perlu dilalui oleh setiap lapisan masyarakat dalam era globalisasi ini.

5. CABARAN MEMBANGUNKAN INSAN

Pada zaman pascamodenis yang kita lalui ini, terdapat cabaran yang perlu diteliti dan diberi perhatian dalam membangunkan insan sejahtera. Antara cabaran tersebut merangkumi aspek sosial, ekonomi, politik, pendidikan dan digitalisasi. Walau bagaimanapun, kajian ini ingin memfokuskan dua aspek sahaja iaitu aspek sosial dan digitalisasi. Aspek sosial merupakan faktor penyumbang kepada pembentukan masyarakat berasaskan nilai di negara ini. Kita boleh lihat masalah sosial semakin berleluasa yang bermulanya pengaruh dari teknologi, pengaruh rakan sebaya dan sebagainya. Jika dilihat, suatu ketika dahulu, masyarakat kita dihalusi dengan budi bahasa dan budi pekerti, namun dengan hadirnya media sosial, halus budi bahasa dan budi pekerti ini semakin berkurangan dalam kalangan masyarakat. Cara hidup moden kini telah mengakibatkan pembangunan insan semakin terjejas. Kehidupan kini yang semakin banyak dipengaruhi dengan corak berfikir yang boleh menghancurkan akhlak dan iman manusia (Syahirah et al., 2022). Tambahan pula, fahaman sekularisme, individualisme dan liberalisme yang merupakan salah satu bentuk penjajahan mental juga dilihat semakin menular ke seluruh masyarakat. Pengaruh pemikiran-pemikiran ini sebenarnya akan menyebabkan hilang rasa hormat, hilang jati diri dan menurunnya semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat. Oleh sebab itu, pentingnya kurikulum falsafah yang diperkenalkan untuk sama-sama berusaha menyahkan penjajahan dari aspek pemikiran dan budaya ini bagi melahirkan insan yang seimbang dan sejahtera.

Selain aspek sosial yang merupakan cabaran untuk membangunkan insan, aspek digitalisasi juga perlu diberi perhatian. Kemajuan teknologi maklumat pada era globalisasi menjadikan masyarakat khususnya golongan muda mudah terdedah dengan pelbagai masalah sosial yang kian berleluasa (Syahirah et al., 2022). Banyak platform aplikasi yang dicipta untuk digunakan oleh semua lapisan masyarakat, antaranya, facebook, Instagram, tiktok, dan threads. Bukan untuk menafikan kewujudan aplikasi-aplikasi ini yang juga memberi manfaat kepada pengikutnya, tetapi sedikit sebanyak aplikasi-aplikasi dan laman sesawang yang diwujudkan turut memberikan kesan negatif sekiranya kemudahan ini tidak digunakan dengan baik. Terdapat banyak laman sesawang yang dicipta bagi perkara-perkara yang negatif bertujuan mempengaruhi pemikiran dan budaya masyarakat. Sebagai contoh, terdapat laman sesawang yang secara terbuka mempamerkan kegiatan aktiviti seksual gay, lesbian, bisexual dan transgender secara bebas yang sebenarnya dapat merosakkan pemikiran manusia. Ketagihan internet ini akan menyebabkan golongan belia khususnya, mudah lemah dan gagal dalam pelajaran (Syazwana et al., 2021).

Cabaran sosial dan digitalisasi ini merupakan perkara yang perlu diberi perhatian oleh semua pihak. Banyak pengaruh pemikiran dan budaya sosial yang mula menular pada masa kini akan merosakkan pemikiran dan akhlak seseorang. Kegagalan menangani isu ini secara holistik boleh menjejaskan kualiti hidup serta kestabilan sosial dalam jangka panjang. Oleh itu, usaha membangunkan insan yang sejahtera dan seimbang perlu dilaksanakan secara menyeluruh dengan menitikberatkan keseimbangan jasmani, emosi, rohani, intelek dan etika. Pendekatan pendidikan berasaskan nilai, pemerksaan literasi digital, serta pengukuhan peranan institusi sosial harus digerakkan secara berterusan agar kemajuan teknologi dapat dimanfaatkan secara positif tanpa mengorbankan kemanusiaan dan akhlak. Dengan kerjasama kolektif dan komitmen berterusan, pembangunan insan sejahtera bukan sahaja mampu direalisasikan, malah menjadi asas penting kepada pembentukan masyarakat yang berdaya tahan, beretika dan lestari dalam menghadapi cabaran masa hadapan.

6. KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, falsafah sejahtera yang merupakan kerangka tambahan dalam FPK telah memperkenalkan satu paradigma pendidikan yang holistik, inklusif serta berasaskan nilai yang perlu kita pelajari, fahami dan melaksanakannya. Pendekatan mikrokosmik dalam falsafah sejahtera menuntut proses pembelajaran yang bukan sekadar berorientasikan pencapaian

akademik, tetapi turut memberi perhatian kepada pembinaan sahsiah, pengurusan emosi dan pemerkasaan nilai diri. Apabila kesejahteraan mikrokosmik individu dapat dicapai, ia akan mempengaruhi kesejahteraan pada peringkat makrokosmik, iaitu keluarga, masyarakat dan negara. Justeru, mikrokosmik falsafah sejahtera menjadi asas penting dalam melahirkan insan yang seimbang, berjati diri kukuh dan mampu menyumbang secara positif kepada pembentukan masyarakat yang sejahtera. Pembangunan insan yang seimbang dan menyeluruh akan menjamin kelahiran seorang insan yang berilmu, bertanggungjawab, berakhlak mulia, dan mampu berbakti kepada negara. Oleh itu, semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing bagi memastikan kejayaan untuk membangunkan insan yang holistik dapat dicapai. Pencapaian sebenar dalam membangunkan insan ini ialah apabila masyarakat yang berjaya dibentuk di masa depan mempunyai jati diri yang tinggi, mampu menguruskan emosi dengan baik serta dapat mengurangi masalah-masalah sosial yang wujud pada masa kini.

RUJUKAN

- Ahmad, M.S. (2008). *Pengajian Agama Islam & j-QAF: Metodologi dan Pedagogi Pendidikan*. Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Amran, M. (2022). *Modul Falsafah & Isu Semasa*. Islamic and Strategic Studies Institute (ISSI).
- Dzulkifli, A. R. (2018). *Sejahtera: A framework for a new philosophy of education*. International Islamic University Malaysia.
- Kendra, C. (5 march 2024). *Id, Ego, and Superego: Freud's Elements of Personality*. <https://www.verywellmind.com/the-id-ego-and-superego-2795951>
- Mohamad Johdi, S. (2022). Falsafah Pendidikan Kebangsaan Paradigma J.E.R.I.S.A.H Membina Insan Sejahtera Bertaqwa: Perspektif Kepimpinan Pendidikan Dan Guru-Guru. *Jurnal Dunia Pendidikan Vol. 4 (1)*, 197-215.
- Mohd Yaakob, M.F. (2018). Pendidikan Dasar Pendidikan. Pandangan Terhadap 1 Murid 1Sukan. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*. 5(3): 1-9.
- Mok, S. S. (2009). *Falsafah dan Pendidikan di Malaysia*. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Muhammad Azhar Latif (2024). Pengertian Etika Politik Serta Pendapat Ibnu Taimiyah. *Jurnal Kajian Agama dan Dakwah*. 4 (1): 1-8.
- Noraini, Z., Farrah Wahida, M., Mohd Ikhrum, M. R. (2022). Pembangunan Modal Insan di Malaysia: Satu Analisis. *Jurnal Dunia Pengurusan*, Vol. 4(3), 14-25.
- Omar, M. N. (2015). *Falsafah Akhlak*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Pangrazi, R. P., & Beighle, A. (2019). *Dynamic Physical Education for Elementary School Children*. Human Kinetics.
- Saharia, I. (2015). Pembangunan insan dalam falsafah Pendidikan kebangsaan. *Journal of Human Capital Development*. Vol. 8 (2), 83-99.
- Syahirah, R., Siti Fairuz, M., Mohd Edyazuan, A. (2022). Mengintegrasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) Dalam Membangunkan Modal Insan Bersepadu. *Jurnal Dunia Pendidikan Vol. 4 (1)*, 86-103.

Syamsul Azizul, M., Habibah, R., Mohd Nur Hidayat, H.H, Irma Wani, O. (2022). Signifikan Kursus Falsafah dan Isu Semasa (Fis) dalam Pembentukan Akhlak dan Moral di Universiti Malaysia Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)*. Vol 7 (45) 127-136.

Syazwana, A., Noraini, A. R. & Muhammad Fadzil, A.S. (2021). Pengaruh faktor teknologi maklumat dan komunikasi terhadap kualiti hidup dalam kalangan belia. *Jurnal 'Ulwan, Special Issue 1: Kolokium Penyelidikan Ijazah Tinggi*, 6(1), 110-126.